# Konvoi konvo UMP

*Pelajar, ahli kelab kereta masuk Felda pererat masyarakat dengan universiti*



BANYAK...kereta Proton Saga yang menyertai konvoi berkenaan.



TAMPAL...penganjur menampal pelekat sebelum memulakan konvoi.

>>Teks dan gambar
**Mohd Rafi Mamat**
rencana@hmetro.com.my

SERAMAI 60 peserta terdiri daripada ahli Kelab Motor LC (LCC) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kelab Perodua Viva (Vivac) dan Kelab Saga BLM Owner's (Prosboc) menyertai konvoi sempena Konvokesyen UMP ke-5, baru-baru ini.

Konvoi yang bermula di UMP membabitkan perjalanan ke Felda Lepar Hilir Satu dan Empat, padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) termasuk beberapa hentian sekitar bandar Kuantan.

Pameran dan pertandingan autoshow turut diadakan di setiap perhentian yang memberi hadiah dan sijil penyertaan.

Ketua program, Muhammad Nur Zakuan Zainal, berkata program kali pertama itu bertujuan mengeratkan hubungan antara pelajar UMP dengan ahli kelab kenderaan di negeri itu.

Beliau berkata, dengan menyertai konvoi itu peserta berpeluang meninjau kawasan sekitar Felda Lepar Hilir Satu dan Empat selain melihat aktiviti penduduk setempat.

"Program itu dapat memperkenalkan UMP kepada masyarakat setempat dan menarik minat pelajar melanjutkan pengajian ke universiti.

"Pertandingan autoshow memberi peluang pemilik kenderaan memperagakan kereta mereka yang diubahsuai," katanya.

Tahun lalu, program sama diadakan, tetapi hanya membabitkan pelajar UMP.

Konvoi berkenaan melalui perjalanan lebih 50 kilometer membabitkan empat perhentian bagi memberi peluang pemilik kereta Saga dan Viva mempamerkan kenderaan yang diubah suai.

Nur Zakuan berkata, penganjuran konvoi itu menarik minat pelajar UMP menganggotai LCC yang sebelum ini mengadakan pelbagai aktiviti seperti ekspedisi dan konvoi.

"Sokongan UMP memberi semangat kepada saya dan ahli jawatan kuasa kelab mengadakan lebih banyak aktiviti di masa depan," katanya.

Seorang peserta, Abdul Rahim Asas, berkata peluang menyertai konvoi itu membolehkan dia melihat kemajuan dan kemakmuran penduduk Felda Lepar Hilir Satu dan Empat yang mengusahakan ladang kelapa sawit.

"Melalui konvoi ini, saya dapat berkenalan dengan ahli Vivac dan Prosboc termasuk pelajar UMP.

"Saya akan terus menyertai program ini dan berharap ia lebih meriah dan mencabar," katanya.

Bagi Mohd Airul Iskandar Razaz, ini kali pertama mengikuti program konvoi motosikal dan ia memberi kepuasan yang mungkin sukar dilakukan jika menunggang seorang diri.

"Pada program kali ini saya bukan sahaja dapat menguji kuasa motosikal, tetapi berkenalan dengan ahli kelab kereta lain," katanya.

Ahli kelab Prosboc, Sheikh Mohd Mazlan Sheikh Ramli, berkata kerjasama antara pemandu kereta dan motosikal dapat dipupuk sepanjang program itu.

"Saya berharap program konvoi seperti ini dapat terus diadakan terutama bagi memeriahkan majlis konvokesyen UMP," katanya.



KREATIF...peserta meletak pelbagai anak patung untuk memperagakan kenderaan masing-masing.



PAMER...peserta mempamerkan piala yang dimenanginya.



PESERTA...lebih 30 pelajar menyertai konvoi sempena majlis konvokesyen UMP.



MENARIK...kenderaan ini diubah suai pemiliknya.